




Info Cukai Oleh: HASIL

Apakah Nombor Pengenalan Cukai dan Kepentingannya?

Nombor Pengenalan Cukai (Tax Identification Number – TIN) ialah nombor cukai pendapatan seperti rekod sedia ada di HASIL. Untuk rekod, pelaksanaan TIN telah diperkenalkan mulai 1 Januari 2022, selaras dengan Peruntukan Seksyen 66A, Akta Cukai Pendapatan 1967. Justeru itu, mana-mana pembayar cukai yang telah diberi nombor cukai pendapatan sebelum atau pada 1 Januari 2022 disifatkan sebagai TIN bagi pembayar cukai yang berkenaan.

Mulai 1 Januari 2024, pendaftaran TIN merupakan satu daripada e-Perkhidmatan yang diwajibkan penggunaannya oleh HASIL. Pelaksanaan penggunaan e-Perkhidmatan secara mandatori ini bertujuan untuk:

- Memberikan akses yang mudah, selamat dan pantas kepada para pembayar cukai dalam melaksanakan urusan percukaian mereka tanpa perlu hadir ke pejabat HASIL, dan
- Meningkatkan tahap kecekapan perkhidmatan HASIL kepada pelanggan.

Apakah Kaedah Pendaftaran TIN?

TIN akan didaftarkan melalui permohonan yang dibuat atau diberikan seperti yang berikut:

- Permohonan secara dalam talian melalui e-Daftar <https://mytax.hasil.gov.my/> > Perkhidmatan ezHasil > e-Daftar;
- Permohonan secara manual melalui:
 - Permohonan pembayar cukai atau wakil pembayar cukai,
 - Penerimaan Borang Nyata tanpa nombor TIN,
 - Penerimaan Pemberitahuan Pekerja Baharu atau Borang CP22; dan
 - Program pengumpulan maklumat/maklumat daripada pihak ketiga;
- Pendaftaran secara automatik oleh HASIL:
 - Pendaftaran nombor TIN syarikat (C) melalui *Malaysia Corporate Identity* (MYCoID),
 - Pendaftaran nombor majikan (E) bersama-sama nombor TIN mulai 15 Oktober 2019 melalui MYCoID,
 - Pendaftaran TIN individu melalui potongan cukai bulanan (PCB),
 - Data *ad hoc* yang diperoleh di bawah Projek Jawatankuasa Penyelarasan Data HASIL,
 - Pendaftaran TIN bagi pengarah syarikat, pekongsi, pemegang amanah dan jawatan pengurusan lain di bawah semua jenis fail berdasarkan maklumat yang dilaporkan dalam Borang Nyata yang akan dipadankan dengan data daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN),
 - Data warganegara dan pemastautin tetap yang diperoleh daripada JPN mulai 1 Januari 2023 bagi individu yang berikut:
 - Berumur 18 tahun ke atas, dan
 - Mencapai umur genap 18 tahun akan didaftarkan secara kelompok jika belum mempunyai TIN; dan
 - Data pekerja baharu yang dilaporkan melalui e-CP22.

Pembayar cukai yang terdiri daripada kategori di bawah diwajibkan mempunyai TIN, iaitu:

- Pembayar cukai yang boleh ditaksirkan dan boleh dikenakan cukai,
- Pembayar cukai yang dikehendaki untuk mengemukakan Borang Nyata, dan
- Individu yang berumur 18 tahun dan ke atas.

Apakah Jenis Kaedah Semakan Status TIN?

Semakan TIN yang telah didaftarkan boleh dibuat melalui:

- Portal MyTax di pautan <https://mytax.hasil.gov.my> > Perkhidmatan ezHasil > e-Daftar,
- Hasil Contact Centre melalui talian 03-8911 1000/603-8911 1100 (Luar Negara); dan
- Kaunter HASIL/Pejabat HASIL/Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang berhampiran.

50 | BIL 85 (2024) • DEWAN EKONOMI

Bilakah Pelaksanaan TIN?

Secara ringkasnya, penggunaan TIN telah dilaksanakan secara serentak mulai 1 Januari 2022 bagi aspek percukaian yang berikut:

a. Cukai Pendapatan

Digunakan sebagai pengenalan kepada kategori fail cukai yang tertakluk di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti yang berikut:

Bil.	Kategori	Jenis Fail
1.	Individu	IG
2.	Syarikat	C
3.	Majikan	E
4.	Perkongsian	D
5.	Perkongsian Liabiliti Terhad	PT
6.	Koperasi	CS
7.	Pertubuhan	F
8.	Badan Amanah	TA
9.	Unit Amanah/Amanah Harta Tanah	TC
10.	Amanah Perniagaan	TN
11.	Amanah Pelaburan Harta Tanah/Tabung Amanah Harta	TR
12.	Entiti Labuan	LE
13.	Pendapatan Petroleum	PITA
14.	Harta Pusaka	TP
15.	Penghibur Awam Bukan Pemastautin	FA
16.	Penerima Bukan Pemastautin bagi Tujuan Bayaran Cukai Pegangan	Mengikut Kategori Penerima

b. Cukai Keuntungan Harta Tanah

Dilaksanakan selaras dengan peruntukan Seksyen 57B, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah (ACKHT) 1976. Semua pihak yang ingin melakukan transaksi pelupusan dan pemerolehan harta tanah atau syer syarikat harta tanah perlu memiliki TIN dalam Borang Nyata dan dokumen seperti yang berikut:

- Borang CKHT 1A – Pelupusan Harta Tanah,
- Borang CKHT 1B – Pelupusan Syer,
- Borang CKHT 2A – Pemerolehan Harta Tanah atau Syer,
- Borang CKHT 3 – Pemberitahuan Pelupusan Aset Tidak Dikenakan Cukai/ Dikecualikan Cukai,
- Bayaran di bawah Seksyen 21B ACKHT 1976 melalui Borang CKHT 502 oleh pemeroleh; dan
- Surat-menyurat dan rayuan.

c. Duti Setem

Dilaksanakan selaras dengan peruntukan Seksyen 77C, Akta Setem 1949. Pada masa ini, dokumen dan surat cara penyeteman melibatkan pindah milik harta tanah, pindah milik saham, pindah milik perniagaan, sekuriti, sewa/pajakan dan penyeteman am untuk kategori syarikat dan individu perlu menggunakan TIN.

Maklumat lanjut berhubung dengan TIN serta aspek percukaian langsung yang lain bolehlah dirujuk dengan melayari Portal Rasmi HASiL di www.hasil.gov.my.

